

PERMATA buka peluang kanak-kanak nikmati asuhan sistematik

Pendidikan awal secara percuma makin diperluas

**Azrul Affandi
Sobry**

azr@bharian.com.my



PENDIDIKAN awal kanak-kanak selalunya kurang diberi perhatian oleh kebanyakan ibu bapa. Mereka berasakan anak hanya perlu didedahkan dengan pendidikan formal ketika usia memasuki enam tahun iaitu alam prasekolah dan tidak kurang juga yang hanya menunggu anak mereka genap usia tujuh tahun untuk memasuki Tahun Satu di sekolah rendah.

Mungkin di bandar, peluang anak mereka didedahkan dengan pendidikan seawal usia dua tahun lebih cerah kerana atas kesibukan ibu bapa berkerjaya, tugas menjaga anak terpaksa diserahkan kepada pihak lain dan kebanyakannya memilih taman asuhan kanak-kanak (TASKA).

Namun, bagi ibu bapa di pedalaman atau luar bandar yang kebanyakan kaum ibu menjadi suri rumah sepenuh masa, keperluan untuk menghantar anak ke pusat asuhan dilihat tidak ada kerana mereka

juhu tahun dan mensesiakan enam tahun kehidupan awal mereka tanpa mendapat pendidikan sempurna dengan silibus yang terancang, teratur dan sistematik. Ia nyata satu kerugian yang berlaku tanpa disadari semua.

Justeru, langkah kerajaan memperkenalkan Pusat Asuhan Permata Negara (PERMATA) pada 2007 adalah satu usaha positif untuk memberi peluang kepada lebih ramai kanak-kanak pada usia seawal dua hingga lima tahun untuk menikmati pendidikan dan asuhan sistematik yang selama ini mungkin terpinggir kerana pelbagai masalah terutama kemampuan kewangan keluarga.

Namun, bukan sekadar menyasarkan objektif itu, PERMATA juga memberi penekanan kepada kualiti dan keberkesanan dalam sistem pendidikan serta asuhan dengan mengambil contoh daripada beberapa negara maju yang sudah lama menggunakan sistem terbaik untuk memastikan kanak-kanak seusia itu ditangani minda mereka secara berkesan.

Langkah PERMATA yang diilhamkan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor pada 2007

sesuai untuk dibuka pusat asuhan. Proses itu pun memakan masa dua tahun untuk membuka 14 pusat.

“Dalam tempoh itu, banyak kajian dibuat untuk melihat keberkesanan kurikulum yang digunakan. Banyak juga rombakan dibuat sehingga ia benar-benar mantap pada 2009.

“Sebenarnya sasaran Pengerusi PERMATA, (Rosmah) ialah untuk melihat sekurang-kurangnya ada satu pusat asuhan di setiap Parlimen supaya lebih ramai kanak-kanak mendapat peluang menyertainya, tetapi ia bukan misi mudah kerana memerlukan dana yang besar.

“Kini, sekurang-kurangnya dalam setiap negeri ada tiga kawasan Parlimen yang mempunyai PERMATA, tetapi ada juga negeri yang agresif menyokong usaha kami dengan menyediakan tempat. Melaka antaranya yang diakui paling banyak pusat asuhan dibuka.

“Kerjasama kerajaan negeri memang penting dalam usaha ini kerana selain menyediakan tempat, ia perlu mengambil kira faktor demografi iaitu melihat kelompok masyarakat di kawasan itu. Jika di FELDA yang kebanyakannya adalah generasi pertama, tentu pembukaan pusat asuhan akan merugikan pada



KANAK-KANAK di PERMATA mengikuti

berasak lebih sesuai ibu menjaga anak sendiri di rumah dan memberi pendidikan dengan cara sendiri.

Ada juga yang memberi alasan tidak mampu menghantar anak ke pusat asuhan kerana kebiasaannya memerlukan kos bulanan sekitar RM200 dan semestinya ia bebanan kepada keluarga berpendapatan rendah. Senario tidak berkemampuan itu bukan saja berlaku di luar bandar, malah lebih ketara juga di bandar.

Akibatnya, anak sekadar menunggu peluang memasuki alam persekolahan sebenar pada usia tu-

bermula dengan pembukaan empat pusat asuhan di lokasi terpilih, bertujuan melihat bagaimana penerimaan masyarakat mengenai konsep yang bakal diperkenalkan.

Setiausaha Bahagian Pendidikan Awal Kanak-kanak PERMATA, Sa-idatu Akhma Hassan, berkata empat lokasi ketika itu ialah Kepala Batas di Pulau Pinang, Subang Jaya, Putrajaya dan Chini, yang memberi gambaran positif bahawa ia mampu diperluaskan.

"Ia kemudian diperluaskan kepada satu negeri satu pusat asuhan kerana masih melihat lokasi yang

padat dan ramai mesra dengan masa depan kerana anak mereka sudah besar.

"Sebaiknya cari kawasan yang ramai generasi muda," katanya ketika ditemui di Pusat Asuhan PERMATA Negara Presint 16, Putrajaya.

Disebabkan objektif utama penu-buhan PERMATA yang menyediakan perkhidmatan percuma, ialah untuk memberi peluang kepada lebih ramai kanak-kanak mendapat pendidikan awal, ia lebih banyak tertumpu di kawasan luar bandar dan jika ada di kawasan bandar, ia hanya terbuka kepada kakitangan kerajaan dalam kumpulan soko-

ngan kedua. B/H 7/12/2011 MS 24/128

Justeru, ia jelas memfokuskan kelompok keluarga berpendapatan rendah yang sebelum ini tidak mampu menghantar anak ke pusat asuhan swasta. Namun, satu cabaran yang besar ialah untuk membuka mata keluarga di luar bandar untuk menghantar anak mereka ke PERMATA.

"Masalah utama mereka ialah kurangnya kesedaran. Mereka tidak nampak dan tidak tahu sebenarnya tempoh usia kanak-kanak antara dua hingga lima tahun ialah tempoh terbaik untuk mengasah minda mereka.

"Kanak-kanak pada usia ini, otak mereka seperti komputer. Kita kena isi maklumat dengan sebanyak mungkin.

"Mereka mungkin nampak macam tidak belajar apa-apa meskipun diisi dengan pelbagai maklumat tetapi sebenarnya seperti komputer, ia akan digunakan apabila perlu.

"Konsep di PERMATA ialah mengasuh mereka berdikari, selain pengisian pendidikan seperti pusat asuhan lain.

"Kami masih berusaha untuk memastikan semua orang faham mengenai konsep pendidikan awal kanak-kanak ini.

"Kami juga mahu mereka tahu yang kurikulum yang kami guna adalah antara terbaik yang diveduc daripada sistem di United Kingdom.

"Ia diakui berkesan dan kini turut digunakan di 627 pusat asuhan lain di negara ini selain 52 pusat asuhan PERMATA sendiri," katanya lagi.


Selain Pusat Asuhan Permata Negara, ramai mungkin tidak tahu bahawa PERMATA turut mempunyai beberapa program lain seperti Per-



KANAK-KANAK dilatih beratur untuk menerima makanan.



ibus dan kurikulum bagi mengasah minda mereka.



Kerjasama kerajaan negeri memang penting dalam usaha ini kerana selain menyediakan tempat, ia perlu mengambil kira faktor demografi iaitu melihat kelompok masyarakat di kawasan itu. Jika di FELDA yang kebanyakannya adalah generasi pertama, tentu pembukaan pusat asuhan akan merugikan pada masa depan kerana anak mereka sudah besar

Saidatu Akhma Hassan
Setiausaha Bahagian Pendidikan Awal
Kanak-kanak PERMATA



mata Pintar di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang menempatkan 123 pelajar pintar menengah atas dalam suasana universiti dan menjalani proses pendidikan berbeza daripada sekolah lain.

Selain subjek akademik biasa, mereka turut didedahkan dengan sibus universiti dan dikendalikan oleh profesor dan pensyarah khusus. Mereka turut menggunakan kemudahan universiti termasuk perpustakaan.

Pemilihan untuk memasuki sekolah ini pula bukan berdasarkan kemampuan akademik, tetapi kepintaran mereka dalam tiga peringkat ujian khusus.

Perkhemahan PERMATA pula ialah program yang mengumpulkan kelompok pelajar pintar yang berjaya dalam ujian kecerdasan minda (IQ) dan tidak semuanya datang daripada mereka yang cemerlang dalam pelajaran di sekolah.

"Jangan terkejut kerana kebanyakan pelajar pintar dalam program kami bukan dalam kalangan mereka yang cemerlang dalam ujian di sekolah.

"Ramai juga pelajar dari pedalaman dan ada juga anak nelayan yang mendapat tempat pertama pada peringkat antarabangsa dalam ujian IQ," katanya lagi.

Saidatu Akhma berkata, dua program lagi ialah PERMATA Insan yang memfokuskan pelajar sekolah rendah yang cenderung dalam agama dengan menyediakan seorang tutor yang memantau mereka dengan sasaran bakal menjadi seorang yang mampu menterjemah dan menjadikan isi al-Quran sebagai satu hujah, bukan sekadar menghafal semata-mata.

"Program Perkasa Remaja pula



KANAK-KANAK di Pusat PERMATA Putrajaya diajar mewarnakan cawan plastik untuk dibuat hiasan.

ialah satu program khusus yang menyediakan satu unit rumah di Projek Penempatan Rakyat (PPR) untuk digunakan remaja bagi apa saja aktiviti berfaedah.

"Mereka boleh main muzik, menari dan apa saja asalkan ia membawa manfaat kepada mereka. Lagi baik daripada mereka melepak tanpa punca," katanya.

Justeru, bagi memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai pelbagai program yang digerakkan PERMATA, satu ekspso akan diadakan pada 10 hingga 12 Disember ini di Dewan Dua, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) yang memamerkan produk daripada semua

program mereka.

"Pengunjung boleh datang dan bertanya sendiri kepada pelajar mengenai pengalaman mereka dengan program kami. Jangan tanya kami kerana mungkin berat sebelah.

"Tanya pelajar dan lihat sendiri apa yang mereka selalu buat secara langsung, depan mata dalam pameran dan persembahan pentas.

"Kita akan sediakan contoh kelas pusat asuhan dan tunjuk apa yang kami buat.

"Lihat sendiri dan nilai sejauh mana program ini berkesan. Harapannya ia akan membuka mata semua pihak mengenai kepentingan pendidikan awal ini," katanya.